

19/05/1997

Penganjur majlis diarah tanam pokok

KANGAR, Ahad - Penganjur majlis rasmi kerajaan yang dihadiri Menteri Besar atau Exco Kerajaan Negeri dikehendaki menanam sekurang-kurangnya 50 pokok.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata ia akan dijadikan syarat utama bagi memastikan kehadiran beliau atau Exco ke majlis berkenaan mengikut kesesuaian keadaan.

Beliau berkata, syarat itu bertujuan menghidupkan seluruh negeri ini serta mencapai matlamat sekurang-kurangnya empat juta pokok ditanam menjelang 2000.

"Dua tahun lalu, kerajaan negeri sudah membangkitkan perkara itu tetapi pihak yang menganjur sesuatu majlis rasmi hanya menanam satu atau dua pokok saja.

"Bagaimanapun, mulai sekarang, penganjur perlu sekurang-kurangnya 50 pokok sebagai syarat kehadiran Menteri Besar, Exco atau wakil mereka ke majlis yang dianjurkan," katanya.

Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua menteri menanam sekurang-kurangnya sebatang pokok selaras Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara.

Perdana Menteri meminta semua menteri berbuat demikian sebagai contoh kepada rakyat untuk memastikan kejayaan kempen 'Negeri Dalam Taman'.

Dr Mahathir berkata, kerajaan negeri mesti melengkapkan keupayaan organisasi dan kepakaran bagi menghasilkan mutu lanskap yang tinggi selain bijak dan profesional dalam merancang dan melanskap negeri masing-masing.

Shahidan berkata, pihak yang menganjur majlis boleh mendapatkan pokok secara percuma daripada kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan untuk tujuan itu.

(END)